# Utusan Malaysia - 22 Pengusaha Kantin Kilang Dipercayai Kenakan SST

Rabu, Sep 19 2018

## 22 pengusaha kantin kilang dipercayai kenakan SST

um 19/9

**KUALA LUMPUR 18 Sept.** – Persatuan Pengguna Subang dan Shah Alam (CASSA) mempersoalkan tindakan sebahagian pengusaha kantin kilang yang mengenakan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) terhadap pelanggan mereka.

Presidennya, Datuk Dr. Jacob George berkata, hal demikian ini kerana cukai terse- pendapatan tambahan dan pelanggan terpaksa membayar cukai sebanyak enam peratus daripada nilai asal.



"Macam mana mereka bebas mengenakan cukai dan apa tindakan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)?," soalnya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini, hari ini.



but hanya boleh dikenakan bagi semua pengusaha makanan yang berpendapatan RM1.5 juta setahun.

JACOB GEORGE

Menurutnya, tindakan pengusaha kantin kilang mengenakan cukai tersebut tidak boleh diterima malah pihaknya yakin pendapatan mereka kurang daripada nilai yang ditetapkan.

"Selepas SST dilaksanakan, kita terima aduan kira-kira 22 pengusaha kantin di beberapa buah kilang cuba meraih

Jelas beliau, pihaknya dimaklumkan cukai tersebut dikenakan oleh beberapa pengusaha kantin kilang pembinaan di sekitar Kedah, Pulau Pinang, Perak, Melaka, Johor serta Negeri Sembilan.

"Ketika cukai barang dan perkhidmatan (GST) dilaksanakan, pekerja kilang mendakwa mereka tidak pernah dikenakan sebarang caj tambahan, namun kini terpaksa membayar cukai sejak awal September lalu," katanya.




Undian

BISNES | AGENSI | WARGA

## Perkhidmatan MOF

- Perkhidmatan Atas Talian
- Aplikasi Mudah Alih
- Laman Mikro

## Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

03-8000 8000
03-88823893 / 03-88823894
pro[at]treasury[dot]gov[dot]my



**© Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**
Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.
Kemaskini terakhir: 14 Januari 2020 | Jumlah Pelawat: 27637216